

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 5 OGOS 2020 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian memberi insentif kepada Kerajaan Negeri yang melaksanakan **pengurusan sisa kepada tenaga**, jika tidak mengapa. Adakah Kerajaan Pusat sedia membenarkan Kerajaan Negeri yang ingin terima pakai Akta 672 melantik kontraktor mereka masing-masing untuk mengoperasikan tapak pelupusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini tiada sebarang insentif yang diberikan kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek pembinaan fasiliti pengurusan sisa pepejal berkonsepkan *waste to energy* (WtE). Namun demikian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mendapatkan kuota dari Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) bagi tujuan penjualan tenaga yang terhasil dari WtE ini. Dengan adanya kuota ini, ia dapat membantu mengurangkan kadar *tipping fees* yang perlu dibayar oleh Kerajaan persekutuan mahupun Kerajaan Negeri.

2. Sekiranya Kerajaan Negeri ingin menguatkuasakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672), semua tanggungjawab pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan diambil alih sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan termasuklah pelantikan kontraktor bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Oleh yang demikian sekiranya Kerajaan Negeri ingin melantik kontraktor dan operator bagi menguruskan tapak pelupusan setelah penerimaan Akta 672, pelantikan tersebut hendaklah dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu. Berdasarkan Akta 672, mana-mana syarikat yang ingin mengusaha atau melaksanakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam perlulah mendapatkan kelulusan membina dan lesen mengoperasi fasiliti pengurusan sisa pepejal.

Sekian, terima kasih.